

R B-752 DEB
MAHATHIR - EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 DIS (BERNAMA) -- EKONOMI NEGARA MENGALAMI PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) KIRA-KIRA DUA PERATUS TAHUN INI, SATU TANDA PEMULIHAN SELEPAS BEBERAPA TAHUN MENGALAMI KELEMBAPAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

BELIAU BERKATA IA DIDORONGOLEH PERMINTAAN DAN HARGA YANG MENGGALAKAN KEATASEKSPORT NEGARA.

KATANYA PERBELANJAAN SEKTOR SWASTA DAN SEKTOR PERKILANGAN MERUPAKAN PENYUMBANG TERBESAR KEPADA KDNK TAHUN INI DI SAMPING PENYUMBANG TERBESAR KEPADA HASIL EKSPORT NEGARA.

PERDANA MENTERI YANG BERUCAP PADA MAJLIS MAKANMALAM TAHUNAN KE-14 PERSATUAN PENGILANG-PENGILANG TEKSTIL MALAYSIA DI SINI BERKATA EKONOMI NEGARA JUGA DIJANGKA AKAN TERUS BERKEMBANG PADA TAHUN DEPAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MENJANGKA PERMINTAAN LUAR NEGERI TERHADAP EKSPORT NEGARA AKAN MENINGKAT SECARA SEDERHANA DAN AKTIVITI SEKTOR SWASTA EERTAMBAH GIAT. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, KDNK NEGARA DIJANGKA MENGALAMI PERTUMBUHAN MELEBIHI DARIPADA YANG DICAPAI PADA TAHUN INI.

+BAGAIMANAPUN, PERTUMBUHAN EKONOMI DARIPADA SEGI PENGELUARAN DI ANTARA PELBAGAI SEKTOR TIDAKLAH MELUAS DAN SEIMBANG, ADA YANG MENCAPAI PERTUMBUHAN 10 PERATUS SETAHUN DAN ADA JUGA SEKTOR YANG MENGALAMI PERTUMBUHAN YANG LEMBAP, + TAMBAH BELIAU. -LAGI.

2331MST 23 12 07

R B753 DEB
MAHATHIR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI OR MAHATHIR MENAMBAH KATA SEKTOR PERKILANGAN TELAH BERJAYABERKEMBANG DENGAN PESATNYA, TERUTAMA SEKALI INDUSTRI-INDUSTRI YANG BERORIENTASIKAN EKSPORT SEPERTI TEKSTIL, ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK YANG BERKEMBANG MELEBIHI 10 PERATUS SETAHUN.

MENURUT BELIAU DARIPADA TIGA INDUSTRI ITU, HANYA TEKSTIL DIMILIKI DAN DIUSAHAKAN OLEH RAKYAT NEGARA INI.

BELIAU MENGGESA PENGUSAHA KILANG TEKSTIL MEMPERKEMBANGKAN PERANAN MEREKA SUPAYA KECEKAPAN TEKNIKAL DAN PENGURUSAN BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENJAYAKAN PROSES INDUSTRIALISASI DI MALAYSIA.

KEUPAYAAN MALAYSIA MENJADI NEGARA INOUSTRI AKAN MENJADI TERHAD JIKA NEGARA TIDAK DAPAT MEMPEROLEHI KECEKAPAN DALAM BIDANG BERKENAAN SEPERTI YANG DIHARAPKAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DASAR PANDANG KE TIMUR YANG DIANJURKAN OLEH KERAJAAN ADALAH BERASASKAN KEJAYAAN NEGARA TIMUR SEPERTI JEPUN, KOREA SELATAN, TAIWAN DAN HONG KONG DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN YANG MENCATAT PERTUMBUHAN EKONOMI PESAT SEMASA OUNIA MENGALAMI KEMELESETAN EKONOMI.

KATANYA MALAYSIA BERUPAYA MUNCUL SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN JIKA ADA MINAT DAN INI DIBUKTIKAN OLEH KEJAYAAN INDUSTRI TEKSTIL. - LAGI.

2355MST 23 12 87

R B754 DEE
MAHATHIR - EKONOMI 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASALAH UTAMA KEPADA PERTUMBUHAN INDUSTRI DI MALAYSIA IALAH KOS PENGURUSAN.

EELIAU MENYARANKAN PARA PENGILANG TEMPATAN Mencari sendiri jalan mengurangkan kos dengan meningkatkan kecekapan pengurusan disamping meningkatkan produktiviti dan tidak meminta perlindungan daripada kerajaan.

PERDANA MENTERI JUGA MEGGESA MEREKA Mencari pasaran baru bagi menjamin pertumbuhan yang dicapai sekarang berterusan dan mengeksport barangan secara terus.

INI KERANA MASIH BANYAK BARANGAN MALAYSIA DIEKSPORT MELALUI NEGARA JIRAN YANG BUKAN SAHAJA MENGURANGKAN PENDAPATAN NEGARA TETAPI JUGA MENGURANGKAN PENGETAHUAN RAKYAT TENTANG PASARAN DAN PERSONALITI PENTING DALAM DUNIA PERDAGANGAN, TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

+ KERAJAAN BERHARAP PARA PENGEKSPORT AKAN BERUSAHA MENINGKATKAN ESKPORT MEREKA TERUS KE NEGARA PENGIMPORT PADA MASA DEPAN BAGI MENJAMIN PERTUMBUHAN SEKTOR PERKHIDMATAN seperti insurans dan pengangkutan .+

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, PADA MASA INI DEFISIT AKAUN IMBANGAN EAYARAN MENINGKAT SETIAP TAHUN DAN DEFISIT TAHUN INI SAHAJA SUDAH HAMPPIR \$10,000 JUTA.--BERNAMA
0006MST 24 12 87